



**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**  
**LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY**

## **HEBAHAN AWAM** **AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

### **“PROOF OF CONCEPT” (POC) PEMBANGUNAN SISTEM GPS GATEWAY**

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sedang memantau satu projek *proof of concept* (POC) berkaitan pembangunan dan pelaksanaan sistem pemantauan kenderaan perdagangan yang dikenali sebagai GPS Gateway. POC yang dijalankan selama 1 tahun ini telah bermula sejak Januari 2022 dan dijangka berakhir pada Disember 2022.
2. Sistem GPS Gateway merupakan satu sistem yang dibangunkan untuk membantu APAD dalam memantau operasi pengendali kenderaan barangan, pengendali kenderaan pengangkutan awam dan pemegang lesen kenderaan pelancongan dengan lebih berkesan dan ia adalah satu platform yang akan mengumpul data daripada sistem GPS yang dipasang dalam kenderaan perdagangan,
3. Bagi mendapatkan maklumat penggunaan GPS oleh syarikat-syarikat pengangkutan awam darat yang berdaftar dengan APAD, syarikat TCT Apps Solution Sdn Bhd telah mendapat kebenaran APAD untuk menjalankan projek POC ini.
4. Sehubungan itu, pihak APAD memohon kerjasama semua Pengendali Berlesen atau Pemegang Lesen untuk mengintegrasikan sistem GPS sedia ada syarikat dengan Sistem GPS Gateway ini. Tiada penukaran sistem GPS sedia ada perlu dilakukan dan segala proses integrasi kepada sistem GPS Gateway ini akan dilakukan oleh TCT Apps Solution Sdn Bhd secara percuma.
5. Mana-mana Pengendali Berlesen atau Pemegang Lesen yang menerima pemakluman berkaitan Keperluan Integrasi GPS Kepada GPS Gateway disarankan untuk berhubung terus dengan pihak TCT Apps Solution Sdn Bhd melalui talian hotline 03-33100711 atau emel [technical@gpsgateway.my](mailto:technical@gpsgateway.my) untuk tindakan dan arahan selanjutnya.

Sekian.

**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**  
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**-TAMAT-**